

KEMEROSOTAN PERDAGANGAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU PASCA PERANG DUNIA PERTAMA

*(TRADE SLUMP IN THE FEDERATED MALAY STATES AFTER THE FIRST
WORLD WAR)*

Mohd Shazwan Mokhtar

Abstrak

Artikel ini menganalisis trend kemerosotan perdagangan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada awal tahun 1920-an. Kebergantungan eksport timah dan getah mengakibatkan nilai imbalan perdagangan NNMB merosot setelah kejatuhan harga pasaran kedua-dua komoditi tersebut. Impak Perang Dunia Pertama telah melemahkan pasaran ekonomi di Eropah yang secara relatifnya telah melemahkan juga kuasa belinya terhadap bahan mentah dari NNMB. Penelitian terhadap dokumen pentadbiran NNMB dan CO 717 membuktikan tumpuan terhadap eksport timah dan getah mengakibatkan sektor perdagangan persekutuan rentan dengan risiko kejatuhan harga pasaran komoditi. Matlamat sebenar pelaksanaan dasar menstabilkan harga pasaran komoditi adalah untuk memastikan pengeluaran timah dan getah oleh syarikat British terus beroperasi. Tambahan lagi, langkah menstabilkan harga pasaran komoditi bertujuan melindungi syarikat dan firma milik British daripada kerugian kesan kejatuhan pasaran. Hasil kajian juga mendapati, walaupun sektor perdagangan NNMB merosot, imbalan perdagangan persekutuan kekal positif. Pelaksanaan usaha pemulihan harga pasaran komoditi juga membuktikan wujudnya hubungan simbiosis antara kerajaan kolonial NNMB dengan syarikat swasta. Hal ini demikian kerana, kebergantungan mereka terhadap eksport timah dan getah sebagai sumber pendapatan utama.

Kata Kunci: Neomerkantilisme; getah; timah; Rancangan Stevenson; Perjanjian Bandoeng

Abstract

This article analyzes the trend of declining trade in the Federated Malay States (FMS) in the early 1920s. Dependence on tin and rubber exports resulted in a decline in the value of the FMS's trade balance after the fall in the market prices of these two commodities. The impact of the First World War weakened the economic market in Europe which relatively weakened its purchasing power for raw materials from the FMS. Study on the administrative documents of the FMS and CO 717 proved that the dependencies on tin and rubber exports resulted in the federal trade sector being vulnerable to the risk of falling commodity market prices. The real objective of the implementation of commodity market price stabilization policy is to ensure the continuous operation of tin and rubber production by British company. Furthermore, the policy was also aimed to protect British-owned companies and firms from losses that caused by market downturn. The study found that, although the FMS trade sector declined, the federal trade balance remained positive. The

implementation of the commodity market price recovery policy also proves the existence of a symbiotic relationship between the colonial government of the FMS and private companies. This is so because of their dependence on tin and rubber exports as the main source of income.

Keywords: *Neomercantilism; rubber; tin; Stevenson Scheme; Bandoeng Agreement*

PENGENALAN

Kebergantungan terhadap ekonomi eksport oleh kerajaan NNMB merupakan faktor penting yang mengakibatkan masalah kemerosotan sektor perdagangannya (Lihat Mohd Shazwan, Mohd & Suffian 2021). Aspek kelemahan ini sebenarnya telah dikemukakan oleh Adam Smith yang mengkritik tumpuan ekonomi eksport untuk mendapatkan imbalan perdagangan yang positif oleh British sejak abad ke-17. Adam Smith (2003: 616-617) berhujah, tindakan mengutamakan imbalan perdagangan yang positif untuk mendapatkan keuntungan daripada aktiviti eksport tidak memberi manfaat kepada pertumbuhan hasil negara. Isu ini dibuktikan apabila berlakunya penurunan permintaan daripada pasaran yang mengakibatkan ekonomi eksport mengalami kemerosotan. Oleh itu, masalah kemerosotan yang dialami ekonomi eksport ini seterusnya mempengaruhi pertumbuhan pendapatan negara yang mula mengalami penyusutan, khususnya lebih baki kewangan.

Kelemahan perdagangan neomerkantilisme yang mengutamakan ekonomi eksport ini turut dihadapi NNMB selepas Perang Dunia Pertama. Kesan selepas perang telah mengakibatkan kebanyakan negara industri Eropah tidak mampu untuk mengimport getah dan timah dari Tanah Melayu disebabkan masalah ekonomi yang dialami di Eropah. Penglibatan negara-negara Eropah dalam Perang Dunia Pertama telah menyebabkan mereka memberi tumpuan untuk menyelesaikan hutang perang. Tambahan pula, kedudukan ekonomi domestik Eropah yang tidak kukuh telah menyebabkan berlakunya inflasi yang tinggi (Huff 1994: 79). Kerajaan bagi negara-negara Eropah khususnya sekutu Britain telah meningkatkan kadar faedah mereka dan melaksanakan dasar sekatan kredit sehingga melemahkan kuasa beli mereka (Drabble 2000:122). Oleh sebab itu, terdapat beberapa negara Eropah seperti Austria dan Poland yang terjejas akibat Perang Dunia Pertama, tidak mampu untuk membeli komoditi getah daripada NNMB sehingga terpaksa mendapatkan pinjaman kewangan daripada Jawatankuasa Bantuan Kewangan Antarabangsa untuk mendapatkan bekalan bahan mentah (CO717/8a). Perubahan tumpuan ekonomi domestik di Eropah telah menyebabkan permintaan terhadap eksport komoditi getah dan timah dari NNMB untuk sektor perkilangan dan pembuatan Eropah mengalami penurunan. Keadaan ini berlaku disebabkan kuasa beli negara Eropah yang terpaksa bergantung dengan bantuan dan pinjaman kewangan yang diperolehi mereka (Lim 1977:140).

Kesan penurunan permintaan getah dan timah dari negara-negara Eropah ini seterusnya telah mengakibatkan penurunan harga pasaran kedua-dua komoditi tersebut yang merupakan sumber kekayaan NNMB. Penurunan harga pasaran getah dan timah ini seterusnya telah mempengaruhi kemerosotan aktiviti perdagangan NNMB. Kemerosotan ini dibuktikan menerusi penyusutan nilai eksport NNMB sebanyak 53.26% pada tahun 1921 berbanding nilai eksport sebanyak \$288,715,698 pada tahun 1920. Bahkan, kerajaan NNMB tidak menjangkakan penurunan harga getah dan timah adalah disebabkan kesan daripada penurunan permintaan kedua-dua komoditi tersebut dalam pasaran Britain sebagai negara induk (FMS 1920a).

Pada tahun 1921, nilai eksport NNMB ke United Kingdom telah jatuh kepada \$14,100,589 berbanding \$46,601,653 pada tahun 1920. Penurunan nilai eksport NNMB turut mencatatkan penurunan ke negara Eropah lain seperti Belgium dengan nilai \$38,212, berbanding tahun 1920 dengan nilai \$158,949 (FMS 1922a). Manakala, eksport NNMB ke Switzerland pada tahun 1921 hanya bernilai \$3,969 sebelum meningkat kepada \$29,857 pada tahun 1922 (FMS 1923g). Kemudian, nilai eksport NNMB ke Amerika Syarikat juga turut mengalami penurunan kepada \$1,087,112 pada tahun 1921, berbanding tahun 1920 dengan nilai \$3,081,862 (1922a). Penyusutan

nilai eksport ini juga telah menyumbang kepada masalah krisis kewangan oleh kerajaan NNMB yang menyebabkan kerajaan persekutuan gagal memperolehi pendapatan yang tinggi berbanding sebelum tahun 1920 (FMS 1921e).

Kemerosotan ekonomi eksport kolonial di NNMB turut memberi kesan negatif terhadap golongan pedagang di NNMB. Selain mengalami kerugian disebabkan penurunan harga pasaran getah dan timah, golongan pedagang NNMB turut tidak mampu untuk meneruskan perniagaan mereka disebabkan masalah kewangan kesan daripada penurunan harga pasaran komoditi. Kerugian dalam transaksi perniagaan ditanggung oleh golongan pedagang apabila kedudukan mata wang Sterling yang tidak stabil dalam pasaran dunia yang disebabkan penurunan harga getah dan timah (Sel.Sect. 4345/1921). Kedudukan mata wang Sterling yang goyah ini turut mempengaruhi prestasi mata wang Dolar Selat yang juga merupakan sebahagian daripada blok Sterling yang menggunakan standard emas (FMS 1920c). Kerugian pendapatan persekutuan pada tahun 1921 menerusi sektor perdagangan ini juga turut menyebabkan pihak kerajaan NNMB tidak mampu untuk menghulurkan bantuan fasiliti kewangan untuk golongan pedagang (Sel.Sect. 4345/1921).

KEJATUHAN HARGA BAHAN MENTAH

Kemerosotan sektor perdagangan dunia yang berlaku pada akhir tahun 1920 telah menyebabkan permintaan getah dari NNMB mengalami penurunan (FMS 1921). Kesan langsung kemerosotan ini terhadap aktiviti perdagangan di NNMB ialah berlakunya penurunan nilai eksport ke Britain sebagai negara induk dan Amerika Syarikat yang merupakan pelanggan penting komoditi getah NNMB. Sehingga tahun 1921, nilai eksport getah ke negara induk telah mencatatkan penurunan sebanyak 45% dan penurunan 50% eksport yang melibatkan Amerika Syarikat (FMS 1922a). Kelemahan pasaran getah ini telah meningkatkan jumlah lebihan bekalan getah dari NNMB dalam pasaran kedua-dua negara ini. Britain dan Ireland Utara sendiri mempunyai lebihan hasil getah NNMB sebanyak 210,000 tan dan sebanyak 220,000 tan pula terdapat di Amerika Syarikat yang tidak dapat dipasarkan. Masalah lebihan bekalan ini berlaku disebabkan kelemahan pentadbiran perdagangan oleh kerajaan NNMB untuk mengorganisasi pengeluaran hasil getahnya dalam pasaran antarabangsa (FMS 1920a). Kerajaan NNMB lebih cenderung untuk melindungi kepentingan stok getahnya berbanding melaksanakan dasar sekatan eksport getah. Sikap kerajaan NNMB ini adalah kerana, pendirian kerajaan British sendiri yang enggan melaksanakan dasar sekatan bekalan eksport getah tanpa penglibatan peladang-peladang swasta menerusi Persatuan Peladang getah. Masalah ini berlaku apabila kebanyakan pemilik ladang getah Eropah tidak mahu menyekat pengeluaran hasil getah mereka secara sukarela bagi mengaut semaksimum mungkin keuntungan sebelum kejatuhan harga pasaran getah (CO717/8b).

Jadual 1. Kedudukan harga getah NNMB, 1920-1923*

		1920	1921	1922	1923
		Harga tertinggi dan terendah		Purata harga setahun	
Harga	bagi 1	Bulan Jun \$1.12	Bulan Jun 21 sen	28.8 sen	51.2 sen
paun		Bulan Disember 32 sen	Bulan Disember 39.5 sen		

Sumber: F.M.S. Annual Report for 1920 & 1921, Report of the Director of Agriculture for 1922 & 1923

*Perbezaan bentuk data ini adalah disebabkan format data yang berbeza dalam setiap rekod yang dirujuk

Masalah lebih bekalan getah yang berlarutan sehingga tahun 1921 seterusnya telah menyebabkan harga pasaran getah mengalami kejatuhan (FMS 1921c). Jadual 1 menunjukkan purata harga getah bagi NNMB sejak tahun 1920 hingga tahun 1923. Harga pasaran getah mula mengalami kejatuhan pada bulan Disember tahun 1920 dengan nilai 32 sen untuk satu paun getah, berbanding pada bulan Jun tahun 1920 yang mencatatkan harga \$1.12 untuk satu paun getah. Harga getah terus mengalami kejatuhan yang lebih rendah pada bulan Jun tahun 1921 dengan nilai 21 sen untuk satu paun getah, sebelum meningkat semula pada bulan Disember tahun 1921 dengan nilai 39.5 sen. Walaupun harga getah menunjukkan perubahan positif pada akhir tahun 1921, purata harga komoditi tersebut bagi tahun 1922 adalah hanya dalam sekitar 28.8 sen untuk satu paun getah, sebelum mulai pulih pada tahun 1923 dengan purata harga dalam sekitar 51.2 sen.

Kawalan yang ketat oleh kerajaan NNMB dalam aktiviti perdagangan persekutuan sejak tahun 1921 telah mengakibatkan pemulihan harga getah. Namun, peningkatan yang dicatatkan tidak begitu tinggi seperti tahun-tahun sebelumnya. Antara faktornya, tindakan kerajaan NNMB sendiri yang menetapkan harga getah dengan nilai yang tidak terlalu tinggi. Langkah kawalan harga pasaran getah ini adalah untuk mengelakkan peningkatan kos sara hidup di NNMB yang dipengaruhi oleh harga barangan. Selain itu, kerajaan NNMB perlu membendung perbelanjaan pembangunan ekonomi eksport untuk perdagangan yang mewah. Kawalan perbelanjaan tersebut termasuklah pengurangan kos pentadbiran ladang getah ketika harga pasaran getah yang tinggi untuk memastikan penjimatan kos operasi industri getah. Tambahan pula, kawalan harga getah penting dilakukan oleh pihak kerajaan NNMB untuk memastikan golongan petani tidak meninggalkan tanaman mereka, khususnya tanaman makanan bagi mendapatkan keuntungan cepat menerusi penanaman getah. Tujuannya adalah untuk mengelakkan masalah lambakan hasil getah yang tidak berkualiti yang ditanam oleh petani di kawasan yang tidak sesuai (HCO 1922).

Sektor perdagangan NNMB turut menghadapi kemerosotan apabila eksport timah turut mengalami masalah penurunan harga pasaran. Permintaan timah yang rendah daripada NNMB dalam pasaran dunia telah menyebabkan harga komoditi ini mengalami penurunan sejak tahun 1921. Permintaan timah yang rendah ini adalah disebabkan masalah kemerosotan sektor perindustrian di Eropah kesan daripada Perang Dunia Pertama. Masalah ketidakaturan industri timah United Kingdom khususnya industri plat timah di Welsh merupakan faktor penting yang menyebabkan penurunan permintaan bekalan timah dari NNMB. Sektor perindustrian plat timah United Kingdom mengalami masalah apabila berlakunya kekacauan dalam kalangan buruh yang melancarkan mogok berikutan masalah pengangguran yang tinggi selepas Perang Dunia Pertama. Justeru, kegagalan pengoperasian industri plat timah di United Kingdom ini telah menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah lebih bekalan timah dalam pasaran London (FMS 1921b). Penurunan harga pasaran timah ini seterusnya telah menyebabkan nilai eksport bagi komoditi ini mengalami penurunan antara tahun 1920 hingga 1922. Pada tahun 1920, nilai eksport timah NNMB ialah \$88,429,180 yang kemudiannya menurun sebanyak 44.28% pada tahun 1921 iaitu kepada \$49,274,982 (FMS 1922c). Trend penurunan nilai eksport ini terus berlaku pada tahun 1922 dengan mencatatkan penurunan sebanyak 2.99% berbanding tahun 1921 iaitu penurunan kepada \$47,803,876 (FMS 1923b).

Tambahan lagi, penurunan harga timah pada tahun 1922 juga disebabkan wujudnya sentimen kekhuatiran dalam pasaran sekiranya kerajaan British akan melepaskan kawalannya terhadap eksport timah (FMS 1923b). Walau bagaimanapun, pengukuhan kawalan kerajaan British dalam jaringan perdagangan kolonial di NNMB pada tahun 1923 telah meningkatkan purata harga timah bagi NNMB dalam pasaran London. Hal ini demikian membuktikan kebergantungan perdagangan kolonial NNMB dengan Britain sebagai negara induk yang mempengaruhi harga pasaran bagi timah (FMS 1923c). Fenomena peningkatan harga timah dalam pasaran London ini kemudiannya terus berlaku pada tahun 1924. Pada tahun tersebut harga timah tertinggi dicatatkan ialah £298 dan terendah dengan nilai £200.10. Peningkatan harga pasaran ini disebabkan berlakunya pembelian timah yang tinggi secara berterusan oleh Amerika Syarikat (FMS 1925a).

Jadual 2. Purata harga timah dalam pasaran London, 1920-1924


Tahun	Purata harga (£)
1920	297.5.11
1921	168.0.0
1922	160.14.0
1923	202.15.4
1924	249.10.6

Sumber: F.M.S. Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the Year 1920,1921,1922,1923,1924.

Jadual 2 menunjukkan purata harga timah dalam pasaran London sejak tahun 1920. Penurunan harga timah sehingga akhir tahun 1920 kepada £200 berbanding harga tertinggi pada tahun tersebut yang bernilai £423.20 telah menjadi titik permulaan kejatuhan timah dalam pasaran London (FMS 1919). Sementara itu, dalam tiga bulan pertama tahun 1921, harga tertinggi timah dicatatkan pada nilai £215.17.6 dan nilai terendah ialah £150.17.6. Penurunan harga pasaran pada tahun 1921 ini juga adalah disebabkan wujudnya lebih bekalan timah yang banyak tanpa sebarang pengurangan produksi, sedangkan permintaan dalam pasaran masih lagi tidak mencatatkan peningkatan. Tambahan lagi, pada akhir tahun yang sama berlakunya kemerosotan dalam industri plat timah di Amerika Syarikat dan United Kingdom (FMS 1922c). Seterusnya, pasaran timah di London pada tahun 1922 menyaksikan harga tertingginya ialah £187.16 pada tiga bulan pertama tahun 1922 dan mencecah nilai paling rendah dengan nilai £141.17.6. Penurunan mendadak harga timah dalam pasaran London sejak pertengahan tahun 1922 ini adalah disebabkan berlakunya pembubaran Syarikat Billiton & Singkep iaitu syarikat perdagangan timah milik Belanda, telah menyebabkan berlakunya lambakan bekalan timah (Lihat Broek 1940; Allen & Donnithorne 1957).

Kemerosotan Nilai Imbangan Perdagangan

Kemerosotan sektor perdagangan NNMB sejak awal tahun 1920-an turut memberi kesan terhadap penurunan nilai imbangan perdagangan dalam kegiatan perdagangan di NNMB. Kesan ini boleh diteliti menerusi trend semakin menurun nilai eksport, semakin menurun nilai imbangan perdagangan. Penurunan nilai imbangan perdagangan ini seterusnya mempengaruhi hasil pendapatan kerajaan persekutuan yang mengalami kemerosotan. Keadaan ini seterusnya memberi kesan kepada pengumpulan lebih kewangan yang turut mengalami ketirisan.



Rajah 1. Nilai imbangan perdagangan NNMB, 1920-1925
Sumber: Federated Malay States Annual Report for 1925

Rajah 1 menunjukkan berlakunya kejatuhan mendadak nilai imbangan NNMB pada tahun 1921 sebanyak \$91,644,690 iaitu bersamaan 77.54% berbanding tahun 1920 yang bernilai \$118,193,575. Kejatuhan nilai imbangan perdagangan pada tahun 1921 ini juga menunjukkan berlakunya krisis ekonomi domestik di NNMB yang juga merupakan kesan daripada kejatuhan harga getah dan timah (FMS 1922a). Peningkatan nilai imbangan perdagangan NNMB pada tahun 1922 pula adalah disebabkan penurunan nilai importnya dan disebabkan berlakunya pengukuhan kewangan kerajaan persekutuan (FMS 1923d). Oleh itu, peningkatan sebanyak 112.68% bersamaan \$29,901,617 telah dicatatkan pada tahun 1922 berbanding tahun 1921. Selain itu, pertumbuhan nilai imbangan perdagangan NNMB pada tahun 1922 turut dipengaruhi oleh peningkatan harga pasaran getah sejak akhir tahun 1921. Perubahan yang berlaku tersebut boleh dikaitkan dengan kesan pengurangan pengeluaran hasil getah yang dilaksanakan British dengan kerjasama Belanda Hindia Timur dan Ceylon (CO 717/13c).

PENYELESAIAN KEMEROSOTAN PERDAGANGAN, 1921-1925

Kerajaan NNMB telah melaksanakan usaha pemulihan pasaran getah dan usaha pemulihan pasaran timah sebagai dua langkah penyelesaian penting terhadap masalah kemerosotan perdagangan persekutuan. Tumpuan usaha pemulihan terhadap kedua-dua komoditi eksport ini menunjukkan bukti penting keyakinan kerajaan persekutuan terhadap doktrin neomerkantilisme yang mengutamakan ekonomi eksport sebagai sumber pendapatan penting. Penerusan kebergantungan ekonomi eksport ini juga adalah disebabkan pelaksanaan dasar neomerkantilisme kerajaan British melalui Pejabat Kolonial yang bermatlamat untuk membangunkan sumber di seluruh tanah jajahan British. Menerusi Akta Fasiliti Perdagangan 1921, pihak Perbendaharaan, Kabinet Kerajaan dan Dewan Rakyat British bersetuju untuk memperuntukkan bantuan dalam bentuk pinjaman wang kepada pedagang-pedagang British untuk mendapatkan eksport dari tanah jajahan. Sebagai negara induk, Britain memerlukan bahan mentah dari tanah jajahannya termasuklah NNMB untuk membangunkan sektor perindustrian bagi mengatasi masalah pengangguran kesan daripada kemerosotan perdagangan antarabangsa selepas Perang Dunia Pertama (Lihat Constantine 1984).

Pemulihan Harga Getah

Kerajaan NNMB telah melaksanakan langkah 'Propaganda Penggunaan Baru Getah' pada tahun 1921 sebagai penyelesaian masalah penurunan harga dalam masa jangka panjang (FMS 1921d). Menerusi propaganda ini, pihak kerajaan persekutuan telah mendapatkan kerjasama syarikat-syarikat swasta seperti The Dunlop Rubber Co. Ltd., Leyland & Birmingham Rubber Co., North British Rubber Co., Continental Tyre & Rubber Co. dan Firestone Tyre & Rubber Co. untuk memperkenalkan produk atau industri baharu berasaskan getah. Bagi menyokong langkah ini, Pengarah Pertanian bagi NNMB dan Negeri-Negeri Selat telah meyakinkan pihak kerajaan NNMB dan syarikat-syarikat swasta bahawa 'Propaganda Penggunaan Baru Getah' akan dapat meningkatkan permintaan komoditi getah bagi industri baharu, yang akan mempengaruhi peningkatan harga pasaran komoditi tersebut (FMS 1921d). Sebagai satu bentuk galakan penyertaan syarikat swasta dalam langkah 'Propaganda Penggunaan Baru Getah', kerajaan NNMB telah memperuntukkan geran bernilai \$24,814 bagi tahun 1922 dan 1923 untuk Persatuan Peladang Getah (FMS 1923d; FMS 1924b). Dana ini merupakan sebahagian daripada peruntukan yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan pada tahun 1922 menerusi peruntukan bernilai \$290,000. Tujuannya adalah untuk membiayai langkah propaganda pasaran baharu getah di Tanah Melayu dan di Timur Jauh (*Malaya Tribune* 1924; *The Singapore Free Press and Mercantile Advertise* 1924).

Jawatankuasa 'Propaganda Penggunaan Baru Getah'¹ pada peringkat kerajaan NNMB telah berjaya mengenal pasti peluang pasaran getah di India dan Burma sehingga tahun 1925. Hasil getah NNMB mempunyai peluang pasaran yang cerah untuk dieksport ke kedua-dua negara ini bagi menampung permintaan dalam industri pembuatan seperti pembuatan tayar kenderaan, produk dan barangan kerja mekanikal, produk kasut dan barangan runcit (FMS 1925b). Pihak jawatankuasa juga telah memberi penekanan agar kerajaan NNMB memberikan tumpuan terhadap penggunaan getah dalam industri kenderaan. Saranan ini adalah berdasarkan permintaan yang tinggi eksport getah

dalam pasaran industri pembuatan tayar di India dan Burma. Malah, untuk merangsang industri pembuatan tayar ini, kerajaan NNMB juga perlu memastikan penambahbaikan jalan rayanya bagi meningkatkan lagi permintaan import kenderaan (FMS 1923d). Oleh itu, barulah permintaan eksport getah untuk industri pembuatan tayar dapat ditingkatkan (FMS 1926b). Kesan pelaksanaan 'Propaganda Penggunaan Baru Getah' telah meningkatkan jumlah eksport komoditi getah NNMB pada tahun 1922 sebanyak 35.92% berbanding tahun 1921 dengan jumlah eksport getah sebanyak 94,510 tan. Eksport getah yang stabil ini terus berlaku pada tahun 1923 dengan catatan jumlah eksport 101,311 tan sebelum turun sebanyak 7.70% pada tahun 1924 (FMS 1925c).

Seterusnya, bagi menghadapi masalah penurunan harga pasaran getah yang serius pada tahun 1921, Persatuan Peladang getah yang mempunyai pengaruh yang kuat di Britain, Tanah Melayu dan Ceylon telah mendesak kerajaan Britain untuk melaksanakan usaha sekatan pengeluaran getah di seluruh empayarnya (Lim 1977: 141). Oleh itu, sebagai Setiausaha Tanah Jajahan, Winston Churchill telah membentuk satu jawatankuasa untuk menyiasat keadaan getah di tanah jajahan dan negeri naungan Britain pada tahun 1921. Dalam konteks neomerkantilisme, penglibatan kerajaan British menerusi Pejabat Kolonial dalam pembentukan Jawatankuasa Stevenson merupakan satu bentuk perlindungan negara induk terhadap ekonomi eksport di tanah jajahannya. Oleh sebab itu, James Stevenson yang merupakan penasihat ekonomi di Pejabat Kolonial dilantik sebagai ketua bagi jawatankuasa ini.² Stevenson telah menyediakan laporan yang merupakan cadangan oleh pihak jawatankuasa untuk dibentangkan di Parlimen British pada bulan Oktober 1922. Menerusi laporan ini, pihak jawatankuasa telah mencadangkan agar pihak kerajaan kolonial di tanah jajahan perlu membentuk rang undang-undang untuk menyekat pengeluaran getah sebagai langkah penting untuk menstabilkan harga pasaran komoditi tersebut. Manakala, bagi melindungi kepentingan golongan peladang getah, kerajaan perlu menurunkan kadar cukai eksport getah dengan tidak melebihi 1*d*. untuk 1 paun getah serta menyekat pengeluaran hasil getah minimum 60% daripada hasil pengeluarannya (FMS 1922d).

Secara keseluruhannya, Jawatankuasa Stevenson dan Jawatankuasa Propaganda Penggunaan Baru Getah mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk meningkatkan harga getah. Menerusi Propaganda Baru Getah, British cuba untuk meningkatkan permintaan getah melalui penerokaan industri dan pasaran baharu agar harga getah dapat ditingkatkan. Manakala, sekatan getah menerusi Rancangan Stevenson sebenarnya merupakan usaha untuk meningkatkan harga getah pada peringkat domestik. Tindakan kawalan hasil pengeluaran oleh British dapat mengurangkan lambakan getah dalam pasaran yang menyebabkan penurunan komoditi tersebut.

Keputusan Parlimen British meluluskan cadangan sekatan getah seperti yang disarankan dalam laporan Jawatankuasa Stevenson telah mengembalikan keyakinan pelabur dan pengusaha dalam pasaran getah di NNMB. Kerajaan NNMB telah menggunakan Majlis Mesyuarat Persekutuan untuk meluluskan Enakmen Eksport Getah (Sekatan) 1922 sebagai satu bentuk aplikasi rancangan sekatan getah Jawatankuasa Stevenson. Enakmen ini telah dikuatkuasakan di NNMB pada 1 November 1922 dengan memperuntukkan kuasa sekatan eksport getah pada tangan Ketua Setiausaha kerajaan persekutuan. Ketua Setiausaha bertanggungjawab melantik pegawai kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang sekatan eksport getah di setiap daerah yang melibatkan 340,000 tanah kebun getah dalam NNMB. Oleh itu, Pegawai Daerah telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan lesen eksport getah untuk setiap pengurus estet yang ingin memasarkan hasil getah mereka. Menerusi lesen ini, setiap pengurus estet hanya dibenarkan mengeksport sebanyak 60% daripada jumlah keseluruhan hasil getah mereka (FMS 1922e). Bagi pekebun kecil pula, Pegawai Daerah akan menyediakan kad indeks yang akan menentukan kadar pengeluaran hasil getah yang dibenarkan untuk setiap pekebun kecil. Walaupun begitu, peraturan kad indeks ini hanya melibatkan setiap ladang getah yang tidak melebihi 25 ekar tanah. Sebanyak 3,000 lesen telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan persekutuan untuk pekebun kecil bagi mengeksport getah mereka (FMS 1923d).

Pelaksanaan dasar sekatan eksport getah berdasarkan rancangan Jawatankuasa Stevenson telah berjaya memulihkan pasaran getah NNMB pada tahun 1923 apabila harga komoditi tersebut meningkat dalam purata 51.2 sen pada tahun tersebut (FMS 1924b). Bahkan pelaksanaan dasar

sekatan eksport getah di Tanah Melayu secara keseluruhan ini juga merupakan dasar neomerkantilisme Pejabat Kolonial untuk melindungi ekonomi eksport Tanah Melayu. Sebagai Setiausaha Tanah Jajahan, Winston Churchill menjelaskan matlamat pelaksanaan dasar sekatan eksport getah ini merupakan langkah serangan perdagangan terhadap Amerika Syarikat. Menerusi sekatan ini, Amerika Syarikat terpaksa membeli hasil getah Tanah Melayu dengan harga yang tinggi. Oleh itu, manfaat yang diperolehi oleh British ialah dapat menstabilkan aliran tukaran mata wang Sterling dengan Dolar Amerika Syarikat (Drabble 2000:128). Kepentingan kestabilan Sterling adalah untuk memastikan nilai Dolar Selat yang dipadankan dengan nilainya juga turut stabil. Hal ini demikian kerana, aktiviti perdagangan kolonial di Tanah Melayu menggunakan Dolar Selat sebagai mata wang utama dalam transaksi perdagangan.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan dasar perlindungan perdagangan getah menerusi rancangan Jawatankuasa Stevenson mempunyai kelemahannya. Kerajaan NNMB terpaksa berhadapan dengan masalah penyeludupan yang berlaku dalam kalangan pekebun dan pengusaha kebun getah kecil (*Malayan Tribune* 1925). Aktiviti penyeludupan yang giat dilakukan oleh pekebun dan pengusaha daripada masyarakat Melayu dan Cina ini sebenarnya merupakan satu bentuk reaksi terhadap pelaksanaan rancangan Jawatankuasa Stevenson yang tidak menguntungkan mereka. British lebih cenderung untuk melindungi kepentingan firma-firma Eropah, sedangkan pekebun dan pengusaha kecil ini disekat pengeluaran mereka sehingga tidak mampu memperoleh pendapatan tetap dan terpaksa menanggung hutang sewa tanah yang tinggi (Lihat Lim 1977:143-154). Aktiviti penyeludupan ini terus berleluasa pada tahun 1923 apabila golongan pedagang Belanda menawarkan harga yang tinggi untuk mendapatkan getah dari Tanah Melayu (*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* 1923). Tambahan lagi, penyeludupan getah berlaku apabila berlakunya peningkatan permintaan yang melebihi jumlah eksport yang dibenarkan oleh kerajaan NNMB, khususnya permintaan dari Belanda Hindia Timur yang tidak melaksanakan sebarang undang-undang sekatan getah. Oleh itu, kegiatan penyeludupan getah ini telah aktif di pelabuhan Singapura, Melaka dan Pulau Pinang yang dekat dengan Sumatera, memudahkan aktiviti tersebut dilakukan (FMS 1923e). Sehingga akhir 1924, sebanyak 3,116 pikul getah seludup telah berjaya dirampas oleh pihak kerajaan NNMB dan seramai 235 orang pesalah telah dikenakan tindakan dengan melibatkan tindakan denda berjumlah \$1 juta (FMS 1925c).

Langkah sekatan pengeluaran hasil getah oleh pihak kerajaan NNMB pada tahun 1922, akhirnya telah berjaya mengembalikan kepercayaan penggunaan terhadap pasaran getah NNMB. Situasi ini kemudiannya merangsang peningkatan permintaan eksport getah pada tempoh yang sama (FMS 1923d). Pemulihan pasaran getah ini juga telah menyebabkan berlakunya peningkatan eksport komoditi tersebut ke Amerika Syarikat (\$8,692,156), Perancis (\$748,634), Jerman (\$634,570) dan Ceylon (\$607,239) pada tahun 1922. Manakala, sebanyak \$7,435,725 atau 6.88% pula disumbang dengan peningkatan harga timah yang tinggi sebanyak £300 untuk 1 tan yang mendapat permintaan tinggi dalam pasaran dunia (FMS 1923d). Peningkatan nilaiimbangan perdagangan NNMB seterusnya mencatatkan pertumbuhan sehingga tahun 1925 berikutan harga dan permintaan terhadap timah dan getah yang stabil dalam pasaran dunia.

Pemulihan Harga Timah

Dasar Pejabat Kolonial untuk membangunkan ekonomi eksport di NNMB turut dilakukan untuk memulihkan pasaran timah. Sebagai sumber kekayaan NNMB, kerajaan persekutuan telah melaksanakan dasar sekatan eksport timah sebagai langkah penyelesaian kemerosotan pasaran komoditi tersebut pada tahun 1921. Bagi mengelakkan golongan pelombong dan pihak kerajaan persekutuan sendiri mengalami kerugian, eksport timah tidak dibenarkan keluar dari NNMB selagi harga pasarnya mampu untuk menampung kos operasi industri perlombongan. Oleh itu, kerajaan NNMB telah membantu golongan pelombong di peringkat persekutuan dengan membeli timah dengan harga \$110 untuk 1 pikul bagi memastikan operasi lombong timah dapat diteruskan (CO717/13a).

Pembelian hasil timah tempatan oleh kerajaan NNMB ini juga merupakan satu bentuk dasar perlindungan perdagangan untuk menyelamatkan ekonomi eksportnya. Walaupun mendapat

kritikan daripada Majlis Mesyuarat Persekutuan, kerajaan NNMB meneruskan membeli secara terus hasil timah tempatan yang tidak dapat dipasarkan. Hal ini demikian kerana, untuk mengelakkan masalah pengangguran yang besar dalam industri timah secara keseluruhan di NNMB (FMS 1922f). Tambahan lagi, keperluan kerajaan persekutuan melaksanakan dasar pelaburan terhadap industri timah adalah untuk menyelamatkan industri ini daripada dikuasai oleh Amerika Syarikat yang sanggup untuk membeli timah NNMB dengan harga yang tinggi (CO717/4). Malah, kerajaan persekutuan akan menjual semula stok timah yang dimilikinya dalam pasaran antarabangsa apabila harga pasaran komoditi tersebut kembali pulih (FMS 1923f). Justeru, harga timah yang dibeli oleh pihak kerajaan persekutuan telah meningkat kepada \$115 pada akhir tahun 1920 hingga awal tahun 1921 (FMS 1920b). Walaupun begitu, apabila harga timah jatuh kepada \$100 untuk 1 pikul pada bulan Februari 1921, kerajaan NNMB telah berpendirian untuk tidak meneruskan pembelian (FMS 1922b). Pemberhentian pembelian timah ini sebenarnya mempunyai kaitan dengan arahan sekatan oleh Setiausaha Tanah Jajahan terhadap tindakan Pesuruhjaya Tinggi British iaitu Laurence N. Guillemard yang membelanjakan \$20 juta dana kerajaan NNMB untuk membeli timah tempatan pada tahun 1921 (CO717/13b).

Menerusi kuasa campur tangan yang diperolehi dalam pentadbiran kerajaan NNMB, pihak British telah memeterai 'Perjanjian Bandoeng' dengan Belanda Hindia Timur (kini Indonesia) untuk mengatasi masalah penurunan harga timah pada tahun 1921.³ Perjanjian ini juga telah menjadi titik tolak kepada kerjasama antara kerajaan NNMB dan Belanda Hindia Timur dengan syarikat-syarikat swasta untuk menangani masalah penurunan harga timah yang serius (Baldwin 1983: 65). Keperluan untuk kerajaan NNMB memeterai perjanjian ini dengan Belanda Hindia Timur adalah untuk memastikan langkah sekatan eksport timah dapat dilaksanakan dengan berjaya (CO717/4). Kerajaan NNMB telah membuat penilaian bahawa langkah sekatan eksport timah untuk memulihkan harga pasaran timah perlu dilaksanakan dengan melibatkan Belanda Hindia Timur dan Siam yang telah menyumbang 60% hasil timah dunia (CO717/4). Oleh itu, menerusi Perjanjian Bandoeng, kerajaan NNMB dan Belanda Hindia Timur telah bersetuju untuk menghadkan pengeluaran hasil timah dalam pasaran dan penetapan harga pasaran timah berdasarkan permintaan dalam pasaran. Justeru, selagi tiada petunjuk tepat yang menunjukkan peningkatan permintaan timah, selagi itu tiada peningkatan tetap terhadap harga timah yang boleh dijangkakan (FMS 1922b). Secara khususnya, anggota Perjanjian Bandoeng telah menetapkan bahawa bekalan timah dalam pasaran perlu dikeluarkan dalam tempoh tiga bulan sehingga akhir bulan Mei 1921 melainkan harga pasaran komoditi tersebut meningkat kepada £240 untuk 1 tan. Oleh itu, sebanyak 19,138 tan bekalan timah telah dikeluarkan daripada pasaran antarabangsa bagi membolehkan harga komoditi tersebut meningkat (FMS 1922b). Manakala, pada tahun 1923 kerajaan NNMB telah melaksanakan sekatan eksport timah dengan hanya membenarkan hanya 500 tan timah yang boleh dikeluarkan setiap bulan untuk dieksport (FMS 1924b).

Jadual 3. Pasaran harga timah NNMB, 1921-1925

Tahun	1921	1922	1923	1924	1925
Harga tertinggi	\$115.00	\$93.62	\$121.00	\$148.00	\$145.5
Harga purata	\$85.04	\$80.64	\$101.75	\$124.19	\$131.77 ^{1/2}
Harga terendah	\$72.00	\$71.75	\$88.50	\$100.75	\$116.00
Perubahan harga	\$43.00	\$21.87	\$32.50	\$47.25	\$29.50

Sumber: Federated Malay States Annual Report for 1925, hlm. 19.

Jadual 3 menunjukkan kesan Perjanjian Bandoeng terhadap harga pasaran timah NNMB. Setelah kerajaan NNMB menandatangani Perjanjian Bandoeng dengan Belanda Hinda Timur pada tahun 1921, harga pasaran timah telah mencapai harga tertinggi yang bernilai \$93.62 berbanding harga terendah pada tahun 1921 dengan nilai \$72.00. Walaupun begitu, kejatuhan harga timah terendah pada tahun 1922 dengan nilai \$71.75 adalah disebabkan oleh pembubaran stok-stok timah oleh ahli-ahli Perjanjian Bandoeng pada tahun tersebut (FMS 1923d). Seterusnya, pemulihan harga pasaran timah NNMB mencatatkan peningkatan pada tahun 1923 dengan harga tertinggi bernilai \$121.00 dan harga terendah bernilai \$88.50 lebih baik berbanding tahun 1922. Peningkatan harga pasaran timah pada tahun 1923 ini juga adalah disebabkan berlakunya peningkatan permintaan

timah yang melebihi 10,000 tan dalam sektor perindustrian plat timah di Britain dan Amerika Syarikat (FMS 1924b). Harga pasaran timah NNMB seterusnya menunjukkan keadaan yang stabil sepanjang tahun 1924 hingga 1925 apabila mencapai harta purata dari \$124.19 hingga \$131.77. Peningkatan harga timah yang stabil sehingga tahun 1925 ini juga secara langsung telah memacu pertumbuhan ekonomi eksport dalam kegiatan perdagangan NNMB (1926c).

KESIMPULAN

Permulaan pentadbiran Sir Laurance Guillemard sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Pertama telah menguji perdagangan neomerkantilisme British yang dibentuk sejak awal abad ke-20. Kebergantungan terhadap eksport timah dan getah mengakibatkan imbangan perdagangan NNMB merosot dengan signifikan pada tahun 1921. Hal ini demikian kerana, kejatuhan mendadak harga timah dan getah telah menyebabkan penyusutan pendapatan kerajaan persekutuan. Oleh sebab itu, pada tahun 1921 kerajaan persekutuan terpaksa menggunakan lebihan baki kewangannya yang tinggi untuk menampung perbelanjaan. Walaupun begitu, untuk menyelesaikan masalah kemerosotan perdagangan ini, campur tangan oleh kerajaan persekutuan penting untuk mengawal hasil pengeluaran. Pelaksanaan Rancangan Stevenson hanyalah bermatlamat melindungi syarikat dan firma Eropah berbanding pengusaha getah tempatan. Oleh sebab itu, berlakunya penyeludupan getah antara pengusaha kecil dari Tanah Melayu dengan syarikat milik Belanda di Belanda Hindia Timur. Hal ini demikian kerana, Belanda tidak melakukan sekatan hasil pengeluaran dan menerima pembelian getah yang diseludup dari Tanah Melayu. Namun, pihak British hanya bekerjasama dengan Belanda Hindia Timur melalui Perjanjian Bandoeng untuk menstabilkan harga pasaran timah. Dalam konteks perjanjian ini, kerajaan NNMB berperanan bersama pentadbir British sebagai orang tengah bagi syarikat dan firma Eropah untuk berunding dengan Belanda Hindia Timur mengurangkan hasil pengeluaran timah. Kedua-dua langkah tersebut membuktikan kebergantungan NNMB dengan pasaran global bagi menstabilkan harga pasaran komoditi. Peranan kerajaan NNMB adalah signifikan sebagai satu bentuk campur tangan dalam kegiatan ekonomi bagi melindungi kepentingan ekonomi kolonial British.

BIBLIOGRAFI

- Allen, G.C. & Donnithorne, Audrey G. 1957. *Western Enterprise in Indonesia and Malaya*. London: Routledge.
- Baldwin, William L. 1983. *The World Tin Market: Political Pricing and Economic Competition*. Durham: Duke Press Policy Studies.
- Broek, J.O.M. 1940. The Economic Development of the Outer Provinces of the Netherlands Indies. *Geographical Review* 30(2): 187-200.
- CO 717/4. Tin Mining Industry.
- CO717/13a. Correspondence for High Commissioner for the Malay States to Secretary of States for Colonies, 1921.
- CO717/13b. Financial Position 1921.
- CO717/13c. Telegram from the High Commissioner of the Malay States to the Secretary of State of Colonies, 18 July 1921.
- CO717/8a. Correspondence of J.H. Gorvin, General Secretary, International Committee for Relief Credits kepada Secretary of State, Colonial Office, 22 November 1920.
- CO717/8b. F.M.S Government to Mr. Collins, 13 December 1920.
- Constantine, S. 1984. *The Making of British Colonial Development Policy, 1914 – 1940*. USA: Frank Cass.
- Drabble, John H. 2000. *An Economic History of Malaysia, c.1800-1990: The Transition to Modern Economic Growth*. Great Britain: Mac Millan.
- FMS. 1919. Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the Year 1920.
- FMS. 1920a. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 30 November.
- FMS. 1920b. Supplement to the “F.M.S. *Government Gazette*”, June 17, 1921. Federated Malay States. Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the Year 1920.
- FMS. 1920c. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 19 January 1920.

- FMS. 1921a. Supplement to the "F.M.S. *Government Gazette*," 7 October 1921, Report of the Director of Agriculture, Federated Malay States and Straits Settlements, of the Year 1920.
- FMS. 1921b. Annual Report for 1920.
- FMS. 1921c. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 7 April.
- FMS. 1921d. Supplement to the "F.M.S. *Government Gazette*," August 25. Report of the Director of Agriculture, Federated Malay States and Straits Settlement, for the Year 1921.
- FMS. 1921e. Supplement to the "F.M.S. *Government Gazette*," 15 July 1921, Report on the Trade and Customs Department of the Federated Malay States for the Year 1920.
- FMS. 1922a. Supplement to the "F.M.S. *Government Gazette*," 28 July 1922, Report on the Trade and Customs Department of the Federated Malay States for the Year 1921.
- FMS. 1922b. Annual Report for 1921.
- FMS. 1922c. Supplement to the "F.M.S. *Government Gazette*," 16 Jun. Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the Year 1921.
- FMS. 1922d. Supplementary Report of the Committee appointed by the Secretary of State for the Colonies, to Investigate and report upon the present Rubber Situation in British Colonies and Protectorates, His Majesty's Stationery Office, London, 1922.
- FMS. 1922e. 3rd Supplement to the Federated Malay States Government Gazette, No. 23 Vol. XIV, 6 October 1922.
- FMS. 1922f. Supplement to the "F.M.S. *Government Gazette*," August 26, 1922, No. 5327.
- FMS. 1923a. Report of the Director of Agriculture for 1922.
- FMS. 1923b. Supplement to the "F.M.S. *Government Gazette*," 18 Mei. Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the Year 1922.
- FMS. 1923c. Supplement to the "F.M.S. *Government Gazette*", June 13. Federated Malay States. Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the Year 1923.
- FMS. 1923d. Annual Report for 1922.
- FMS. 1923e. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 29 May 1923.
- FMS. 1923f. Shorthand Report of the Proceedings of the Federal Council, 27 March 1923.
- FMS. 1923g. Supplement to the "F.M.S. *Government Gazette*," 13 July 1923, Report on the Trade and Customs Department of the Federated Malay States for the Year 1922.
- FMS. 1924a. Report of the Director of Agriculture for 1923.
- FMS. 1924b. Annual Report for 1923.
- FMS. 1925a. Supplement to the "F.M.S. *Government Gazette*", May 15. Federated Malay States. Report on the Administration of the Mines Department and on the Mining Industries for the Year 1924.
- FMS. 1925b. Federated Malay States Rubber Propaganda Committee, Report of the Propagandist on a Visit to India and Burma for the Purpose of Inquiring into the Possibilities of India and Burma as a Market for Raw Rubber and Manufactured Rubber Goods, Kuala Lumpur.
- FMS. 1925c. Federated Malay States, Annual Report for Year 1924.
- FMS. 1926a. Annual Report for 1925.
- FMS. 1926b. Federated Malay States Rubber Propaganda Committee.
- FMS. 1926c. The Federated Malay States Chamber of Commerce Year Book for 1925, 10th Annual Report.
- HCO. 1922. Report of the Secretary for Agriculture, Straits Settlements and Federated Malay States for the Year 1922.
- Huff, W.G. 1994. *The Economic Growth of Singapore: Trade and Development in the Twentieth Century*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Knorr, Klaus E. 1945. *Tin Under Control*. California: Stanford University Food Research Institute.
- Lim, Teck Ghee. 1977. *Peasant and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Malaya Tribune*. 1924. Federal Council, 21 May.
- Malaya Tribune*. 1925. Rubber, 17 March.
- Sel.Sect. 4345/1921. Trade Slump in Malaya, Proposal of the Associated Chinese Chamber of Commerce.
- Smith, Adam. 2003. *The Wealth of Nations*. New York: Bantam Dell.
- The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*. 1923. Government and Rubber Smuggling, 25 April.

The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser. 1924. Federal Council.

The Straits Times. 1924. F.M.S. Rubber Propaganda, 30 September.

Mohd Shazwan Mokhtar, Mohd. Samsudin & Suffian Mansor. 2021. Pengunduran Perdagangan Bebas British dan Kebangkitan Neomerkantilisme di NNMB, 1926-1939. *Akademika* 91(3): 171-189.

Mohd Shazwan Mokhtar, (Ph.D)

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa

Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: msm@ukm.edu.my

Received: 24th November 2023

Accepted: 18th December 2023

Published: 31st December 2023

¹Jawatankuasa Propadanda Penggunaan Baru Getah ini dicalonkan oleh Ketua Setiausaha kerajaan NNMB. Pengerusi jawatankuasa ini ialah Ketua Setiausaha sendiri iaitu Sir W. George Maxwell, Mr. C.S. Alexander, Mr. G.S. Arter, Hon. Mr. Choo Kia Peng, Mr. H.B.E. Hake, Mr. C.W. Harrison, Mr. Khoo Keng Hooi, Hon. Mr. R.C.M. Kindersley, Messrs. Loh Kong Imm, Loke Chow Thye, C.N. Maxwell, D. St. L. Parsonss, San Ah Wing, G.E. Shaw, C. Ward Jackson dan Yap Tai Chi. Ahli-ahli jawatankuasa ini merupakan wakil daripada Majlis Mesyuarat Persekutuan dan wakil Persatuan Peladang Getah. F.M.S. Rubber Propaganda, *The Straits Times*, 30 September 1924.

²Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh dua orang wakil Pejabat Tanah Jajahan iaitu S.H. Leaske yang berperanan sebagai Setiausaha dan Gilbert Grindle. Manakala, Edward Brockman mewakili agensi Tanah Melayu serta wakil Persatuan Peladang Getah yang diwakili Stanley Bois, E.J. Byrne (Dunlop Rubber Co.), W.M. Duncan (Straits Rubber Co.), Eric Miller (Harrison Crosfield) dan Edward Rosling (Anglo Ceylon & General Estates Co.). Report of A Committee Appointed by the Secretary of State for the Colonies to Investigate and Report upon the present Rubber Situation in British Colonies and Protectorates, His Majesty's Stationery Office, London, 1922. Lihat juga, Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya 1874-1941*, hlm. 171.

³Selain kerajaan NNMB, Perjanjian Bandoeng ini turut dianggotai pegawai-pegawai daripada 'Straits Trading Company' dan 'Eastern Smelting Company' dengan kerajaan Hindia Belanda Timur yang turut disertai Syarikat Singkep yang merupakan syarikat perlombongan terbesar Hindia Belanda Timur. Klaus E. Knorr, *Tin Under Control*, Stanford University Food Research Institute, California, 1945, hlm. 73- 74.